

SOALAN NO: 468

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN :

YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan hospital yang terlibat dalam industri pelancongan kesihatan dan bilangan pelancong kesihatan asing yang mengunjungi hospital-hospital di Malaysia serta pendapatan yang dijana melalui sektor pelancongan perubatan setakat September 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri pelancongan kesihatan adalah antara sektor perkhidmatan yang berpotensi melonjak pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) telah merancang pelbagai aktiviti untuk industri ini bagi menjadikan Malaysia sebagai salah satu hub pelancongan kesihatan yang menyediakan khidmat penjagaan kesihatan terunggul di persada antarabangsa.

Pada masa ini, 74 fasiliti perubatan swasta dari seluruh negara berdaftar di bawah MHTC untuk mempromosikan pelancongan

kesihatan. Kesemua fasiliti itu juga turut menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi pelancongan kesihatan dengan menyediakan pakej-pakej rawatan yang menarik dengan kos yang kompetitif.

Inisiatif-inisiatif promosi yang dijalankan telah membawa hasil melalui pertumbuhan pelancongan kesihatan yang menggalakkan. Bilangan pelancong kesihatan ke negara kita sehingga Ogos tahun 2014 adalah 439,678 orang dan jumlah pendapatan yang dijana adalah RM397 juta. Usaha akan terus digiatkan lagi untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang unggul.

**Statistik terkini sehingga Ogos sahaja